

# Golongan 'iblis' gagal dalam cubaan jahat mereka - Dr. M

210  
Um 31 AOG 1962

**K**UALA LUMPUR 30 Ogos - Kestabilan dan kemakmuran luar biasa Malaysia sejak 25 tahun lalu membuktikan golongan 'iblis' yang ingin melihat kehancuran negara ini gagal dalam ramalan dan cubaan jahat mereka. Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan malam ini.

Perdana Menteri berkata, kejayaan cemerlang negara dalam tempoh tersebut adalah kerana sebahagian besar daripada rakyat terdiri daripada orang-orang yang berfikir waras dan sederhana.

Dalam perutusan hari kebangsaan yang ke-25 melalui Radio dan Televisyen Malaysia, beliau juga menyeru rakyat supaya menyedarkan generasi yang lahir selepas merdeka tentang betapa kemerdekaan adalah satu nikmat yang istimewa.

"Anggapan kemerdekaan sebagai perkara biasa yang tidak perlu kita agung-agungkan adalah amat merbahaya. Kita mesti sedarkan generasi yang beranggapan demikian sebelum kemalangan menimpa kita," tegasnya.

Dalam perutusannya, Perdana Menteri juga menarik perhatian perkara-perkara berikut:

\* Generasi lama memperjuangkan kemerdekaan sementara generasi baru bertanggungjawab memelihara dan mengekalkan kemerdekaan.

\* Beliau tidak mahu melihat negara ini merdeka dari segi lambang dan bendera saja. "Kita mahu kemerdekaan yang tulen, yang tidak dipermainkan oleh sesiapa."

\* Menggesa rakyat supaya giat berusaha dan menumpukan segala tenaga dan masa serta kemampuan untuk kebahagiaan dan masa depan negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, semasa rakyat dan negara berjuang untuk kemerdekaan dan setelah kemerdekaan dicapai, ada pihak-pihak tertentu - dari dalam dan luar negeri - yang berpendapat bahawa negara ini tidak akan berjaya, bahkan ia akan hancur.

"Mereka ini menunggu-nunggu untuk melihat ramalan mereka menjadi kenyataan.

"Tetapi, oleh kerana sebahagian besar daripada rakyat negara ini terdiri daripada orang-orang yang berfikir waras dan sederhana, maka setelah 25 tahun berlalu, kita bukan saja stabil tetapi telah mencapai kemajuan yang luar biasa," tegas Perdana Menteri.

Menurutnya, negara telah mencapai kejayaan cemerlang sehingga ekonomi Malaysia berkembang lebih pesat dari setengah-setengah negara maju dan nilai matawang negara meningkat naik.

"Tiap kali kita mengadakan pilihanraya bermacam-

macam ramalan buruk dibuat oleh peramal yang tidak senang hati dengan kejayaan ini, tetapi tiap kali pula kita telah buktikan bahawa, walaupun kita mempunyai banyak masalah, tetapi kita mampu mengurus hal-hwal negara kita dengan jayanya," ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, salah satu perkara yang sering disebut oleh pihak-pihak tertentu sebagai faktor yang akan menghancurkan negara ini ialah hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara berbilang-bangsa dan keturunan.

"Sebagai iblis yang senantiasa menghasut ke arah kemungkar dan kehancuran, mereka senantiasa membangkit dan mengapi-apikan sifat semula jadi manusia, iaitu sifat tamak, iri hati dan curiga di kalangan dan antara keturunan supaya apa yang mereka harap-harapkan iaitu gagal dan hancurnya negara kita akan terbukti.

"Mereka tidak akan berhenti dari menghasut dan mengeksploitasi kurang fahaman dan kejahilan setengah-setengah pihak dan meracuni fikiran rakyat di segenap lapisan dengan berbagai cara.

"Muslihat dan strategi mereka ialah menggunakan rakyat untuk menghancurkan negara," Perdana Menteri mengingatkan seterusnya.

Perdana Menteri kemudian menarik perhatian tentang kira-kira 60 peratus dari rakyat Malaysia yang tidak pernah hidup, dijajah oleh orang lain kerana membesar atau dilahirkan selepas merdeka.

Sungguhpun mereka mempelajari sejarah negara tetapi ini tidaklah sama dengan pengalaman rakyat yang pernah hidup di bawah pemerintahan penjajah.

"Persepsi terhadap nilai-nilai hidup yang ada kaitan dengan kehormatan negara antara dua generasi yang berbeza ini, tentulah tidak sama," ujarnya.

Beliau mengesakan bahawa sebenarnya kemerdekaan adalah satu nikmat yang istimewa. "Kerana kehilangan kemerdekaanlah hari ini rakyat Palestine, Afghanistan dan Kampuchea berperang bermati-matian."

Kita bersimpati dengan mereka kerana negara mereka ditakluk orang. Kita hulurkan derma dan kita sanjung tinggi mereka yang menawar diri untuk pergi berperang bersama dengan pejuang-pejuang negara-negara ini.

"Tetapi apakah maknanya simpati dan kesedihan kita jika nikmat yang kita rasai di negara sendiri tidak kita hargai. Oleh itu sedarlah dan bersyukurlah tentang nasib baik kita.